

Temu ramah bersama Albert Liu

Albert Liu adalah pengasas bersama Accessible Ubin (Ubin yang mudah Diakses), sebuah inisiatif masyarakat yang mahu menjadikan Pulau Ubin lebih selamat dan lebih mudah diakses oleh warga emas, keluarga dan pengguna kerusi roda. Beliau amat menggemari sekitaran luar di Ubin sejak zaman remaja. Kebelakangan ini, beliau telah mendekati dan berkenalan dengan masyarakat dan warisan hidup pulau itu. Di sini, beliau berkongsi "Inspirasi Ubin" dengan kami!

Apa yang mencetuskan minat anda dalam pembentukan Accessible Ubin?

Rakan saya Colin Chew dan saya membentuk Accessible Ubin kerana dua sebab. Pertama, kami ingin berkongsi khazanah negara ini dengan mereka yang kurang upaya. Ubin adalah kampung terakhir di mana ia menawarkan kepelbagaiannya yang kaya, sekitaran luar yang hebat serta menawarkan pengalaman pendidikan. Kami ingin Ubin menjadi tempat yang memberi pengalaman yang inklusif.

Kedua, kami ingin memberi kemudahan kepada penduduk Ubin untuk pulang ke rumah selepas mengunjungi Singapura. Kebanyakan penduduk Ubin sudah berusia dan mereka pergi ke Singapura menaiki feri untuk mendapatkan rawatan perubatan atau mengunjungi keluarga. Apabila tiba di Ubin, perjalanan pulang mereka tersekat akibat hadangan tangga di Jeti Ubin. Kami sangat menghargai penduduk Ubin kerana mereka penjaga pulau ini dan kami amat berhutang budi kepada mereka. Kami ingin pastikan mereka pulang ke rumah dengan selamat dan mudah.

Apa harapan anda untuk Pulau Ubin dalam masa sepuluh tahun?

Saya ingin melihat Ubin sebagai sebuah pulau untuk semua - mempunyai prasarana dan kegiatan bagi pengunjung yang kurang upaya, kehidupan mampan untuk penduduk dan kampung yang boleh diakses bagi semua warga. Bagi penduduk Ubin, kehidupan baru seperti berkebun, pengembalaan berbimbing atau bengkel supaya mereka dapat mempelbagaikan sumber pendapatan dan mengurangkan kebergantungan mereka terhadap penjualan minuman dan penyewaan basikal.



Bagi semua teman kami, Hari Ubin 2017 merupakan kali bertama di Ubin.

Foto oleh: Tammy Wong



Kami berharap penduduk Ubin akan merangkul semangat inklusif dan kehidupan masyarakat dan membantu antara satu sama lain, dan pengunjung akan menghormati serta menjaga pulau dan penduduknya dan juga alam sekitar supaya semua orang dapat menikmati Ubin dan menyumbang kepadanya.

Bagaimakah anggota Friends of Ubin Network (FUN) boleh menyumbang kepada peningkatan aksesibiliti di Pulau Ubin?

Menjadi anggota FUN akan menghubungkan kita kepada kepakaran dan pengalaman pelbagai orang yang komited dan berbakat, yang sayangkan Ubin. Kebijaksanaan kolektif ini membolehkan kami memperbaiki idea dan memperkuatkan semangat inklusiviti di Pulau Ubin. Anggota FUN yang mempunyai rangkaian yang luas memberi kita peluang melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti pengendali tongkang dan van yang merupakan rakan kongsi sumber daya berharga dalam usaha kita.

GG Ubin adalah khazanah negara kita; ia milik kita untuk dihargai. Datanglah dan alami keajaiban dan daya tarikan Ubin. Anda akan sayangi Ubin. Lindungilah Ubin yang anda sayangi. Agar Ubin kekal relevan dan istimewa di hati kita. **JJ**

Sokonglah usaha kami di Accessible Ubin, visit www.facebook.com/AccessibleUbin.

f @AccessibleUbin **@** @accessible_ugin



Semasa Wheels@ubin 2018, ramai peserta menandatangani poster menunjukkan sokongan mereka bagi Accessible Ubin dan masa depan pulau itu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pulau Ubin, kunjungi www.ubin.sg atau hubungi kami di nparks_pulau_ubin@nparks.gov.sg

UbinTides

Program Pemulihan Spesies di Pulau Ubin

Mengenai Memerang cakar kecil dari Asia (Asian Small-Clawed Otter) (ASCO), *Aonyx cinereus*

- Penglihatan: Hanya 16 kejadian sejak 1999, di Pulau Ubin dan Pulau Tekong
- Kediaman: Di hutan bakau berdekatan sungai di kedua-dua pulau
- Perilaku: Lebih aktif pada waktu petang dan sangat pemalu
- Kepentingan ekologi: Memain peranan pemangsa teratas dan dengan cara pemakanan khusus (makan krustased dan ikan kecil)

Pemerhatian terkini

- Pada tahun 2016, kami membina tempat tinggal memerang di hutan bakau berdekatan sungai di mana memerang kerap kunjungi di Ubin
- Pada 2018, melalui pemantauan menggunakan perangkap kamera di kediaman memerang, kami perhatikan sekeluarga empat ekor ASCOs
 - o Masuk dan keluar kawasan melalui paip
 - o Menandakan kawasan mereka dengan najis memerang
 - o Seret tumbuh-tumbuhan ke dalam tempat tinggal, mungkin untuk tidur

Mengenai Program Pemulihan Spesies

- . Matlamat: Menghentikan kerosotan spesies sasaran dan menyokong pemulihannya untuk memberi mereka peluang bertahan bagi jangka panjang.
- . Inisiatif lain:
 - o Membina kotak dan kediaman kelawar
 - o Membina sarang burung untuk kediaman Blue-throated Bee-eater (*Merops viridis*), Red-wattled Lapwing (*Vanellus indicus*) dan Baya Weaver (*Ploceus philippinus*)
 - o Penanaman orkid asli



NATIONAL PARKS




FRIENDS OF
UBIN NETWORK

LET'S MAKE SINGAPORE OUR GARDEN



nparksbuzz

Share your love for nature with us at
#nparksbuzz



Keluarga empat ekor memerang ASCO di kediaman mereka.

Raikan Semangat Ubin

Salam Penduduk Ubin!

Saya merupakan keturunan masyarakat Ubin, cucu Awang Minyak dari Kampong Surau. Sejak saya menjumpai rumah datuk nenek saya pada April 2018, saya telah kembali ke pulau ini secara aktif untuk mempelajari lebih lanjut tentang pulau kita dan berkongsi pengalaman saya di blog Wan's Ubin Journal.

Walaupun hanya ada segelintir kampung pada masa kini jika dibandingkan dahulu, akan tetapi ada satu perkara yang kekal - semangat kampung yang kuat dalam masyarakat Ubin. Untuk meraikannya, saya mengajurkan acara Balik Kampung yang ringkas untuk bekas penduduk Ubin dari masyarakat Melayu pada November talu untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana menghubungkan saya kembali ke asal usul saya.

Saya akan terus memainkan peranan saya menyumbang kepada masyarakat. Sebagai balasan atas bantuan masyarakat kepada keluarga saya dalam masa sukar, saya akan mengadakan lebih banyak projek masyarakat seperti pemberisihan kampung setiap bulan bermula Januari tahun ini.

Terima kasih kepada semua penduduk Ubin kerana memperjuangkan semangat kampung. Mari kita semua bekerjasama untuk meningkatkan lagi semangat perkampungan supaya Pulau Ubin dapat berkembang kembali bagi penduduknya.

Syazwan Majid
Penulis, Wan's Ubin Journal
(<http://wansubinjournal.blogspot.com>)



Bekas penduduk membawa foto lama dari zaman kanak-kanak mereka untuk mengingati pengalaman indah membesar di Pulau Ubin.
Foto oleh: Jeffrey Cheng




Orang ramai juga turut berseronok dengan bermain beberapa permainan tradisional!
Foto oleh: Jeffrey Cheng

Pesta Raya @ Ubin

Ahad, 16 Jun 2019, 4pm - 8 pm

Menjemput semua penduduk dan bekas penduduk Ubin. Ayuh kita berkumpul sebagai satu kampung dan beraya di Ubin!

- JAMU SELERA** : Masakan Melayu asli
- LAKUKAN** : Ambil bahagian dalam menganyam ketupat, permainan tradisional, berpakaian tradisional Melayu
- LIHAT** : Nikmati persembahan seni Melayu dan cahaya lampu di Kampong Sungai Durian!



Datanglah bersama keluarga dan jiran anda. Pengangkutan **PERCUMA** dari 3ptg-4ptg. Kedatangan mereka yang kurang upaya dialu-alukan!